

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH SERAH ZAKAT RM4.18 JUTA KEPADA LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

LANGKAWI, 24 Mac 2017 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat berjumlah **RM4,181,741.95** bagi tahun kewangan berakhir 2016 kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam satu majlis ringkas di Masjid Riyadzussolihin Padang Lalang, Mukim Ayer Hangat, Langkawi.

KeBawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman telah berkenan untuk menerima pembayaran zakat ini yang dipersembahkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Paduka Badruddin Amiruldin, Ahli Lembaga Pengarah **TH**. Pembayaran zakat bagi negeri Kedah ini mencatatkan peningkatan sebanyak **2.68%** berbanding **RM4,072,689.90** (2015).

YBhg. Tan Sri Dato' Paduka Badruddin Amiruldin berkata sebagai sebuah institusi Islam, **TH** menekankan aspek kelestarian ekonomi ummah dan pembayaran zakat berperanan mempertingkatkan kebajikan masyarakat dan membantu meningkatkan kegiatan ekonomi golongan asnaf.

“**TH** memastikan pembayaran zakat kepada Pusat Pungutan Zakat di seluruh negara dilaksanakan sebelum suku tahun pertama berakhir agar wang tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan asnaf miskin yang layak, dan seterusnya membantu ke arah kemampanan program-program zakat yang bakal dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat Negeri-negeri. Saya menyarankan syarikat-syarikat korporat dan persendirian yang lain membayar zakat kepada Pusat Zakat Negeri-negeri agar mereka dapat melaksanakan program secara lebih terancang dan berimpak tinggi kepada golongan asnaf,” kata beliau.

Jumlah keseluruhan pembayaran zakat **TH** 2016 terus mencatatkan peningkatan sebanyak 1.69% (RM60.3 juta) berbanding tahun sebelumnya, RM59.3 juta (2015). Dengan kenaikan ini, **TH** akan meningkatkan lagi program pengagihan zakat secara terus kepada asnaf-asnaf di seluruh negara melalui Program Iqra', Program Ehsan, Program Baiti dan Program Mobiliti. Program-program tersebut diharapkan dapat memberi manfaat secara terus kepada lebih ramai golongan sasar.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Tuan Haji Isahak bin Murad, Pegawai Daerah Langkawi; Al-Fadhil Ustaz Ridzuan Bin Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, pegawai-pegawai LZNK dan **TH**.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 124 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.